

MODURIDE TABLET®

Amiloride Hydrochloride/Hydrochlorothiazide (5/50mg)

Apakah yang ada pada risalah ini?

1. Apakah kegunaan MODURIDE
2. Bagaimana MODURIDE berfungsi
3. Sebelum menggunakan MODURIDE
4. Cara menggunakan MODURIDE
5. Semasa menggunakan MODURIDE
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan MODURIDE
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh Kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan MODURIDE

MODURIDE digunakan untuk membantu mengurangkan cecair berlebihan dalam badan bagi pesakit yang mengalami:

- Edema (pembengkakan kaki dan pergelangan kaki)
- Penyakit asites akibat penyakit hati yang menyebabkan cecair berlebihan terkumpul di bahagian perut.

MODURIDE juga digunakan untuk merawat pesakit tekanan darah tinggi atau hipertensi.

Bagaimana MODURIDE berfungsi

Kombinasi bahan aktif di dalam MODURIDE berfungsi dengan membuatkan buah pinggang anda melepasi lebih banyak air dan garam sambil meminimumkan kehilangan garam kalium. Ini membantu mengurangkan tekanan darah tinggi dan mengurangkan bengkak dan pada masa yang sama mengekalkan paras biasa garam kalium di dalam darah anda.

Sebelum mengambil MODURIDE

- Bila tidak boleh mengambil

Jangan mengambil MODURIDE jika anda pernah alah terhadap:

- amiloride hydrochloride
- hydrochlorothiazide, sulfonamide atau ubat sulfur

Hydrochlorothiazide adalah ubat yang mengandungi sulfur (iaitu ubat sulfonamide). Oleh itu, jika anda alah kepada ubat sulfur, contohnya sesetengah ubat antibiotik, anda mungkin juga alah kepada MODURIDE.

Tanya doktor atau ahli farmasi jika anda tidak pasti sama ada anda alah kepada ubat sulfur.

- sebarang bahan kandungan yang disenaraikan pada penghujung risalah ini.

Tanda-tanda tindakbalas alahan termasuk sesak nafas, nafas berdehit atau pembengkakan pada muka, bibir, lidah atau lain-lain bahagian badan, kulit beruam dan gatal-gatal.

Jangan ambil MODURIDE jika anda hamil atau merancang untuk hamil melainkan jika anda dan doktor anda telah berbincang tentang risiko dan manfaatnya.

Ia mungkin boleh menjejaskan janin anda jika diambil ketika hamil.

Jangan ambil MODURIDE jika anda sedang menyusukan bayi atau merancang untuk melakukannya.

Ia boleh menyerap masuk ke dalam susu badan dan seterusnya berkemungkinan menjejaskan bayi anda.

Jangan ambil MODURIDE jika;

- anda mempunyai masalah buah pinggang

- doktor menyatakan kandungan garam kalium dalam darah anda terlalu tinggi
- anda mengambil ubat yang boleh meningkatkan kandungan garam kalium dalam darah atau anda makan makanan yang mengandungi garam kalium yang tinggi.

MODURIDE membantu mengekalkan paras normal garam kalium dalam darah anda. Jika anda mengambil tablet kalium atau kalium tambahan, ubat yang bertindak menyimpan kalium atau makanan yang mengandungi garam kalium yang tinggi, paras kalium dalam darah anda juga akan meningkat dengan banyak.

Tanya doktor atau ahli farmasi jika anda tidak pasti sama ada anda mengambil mana-mana di atas.

Jangan beri MODURIDE kepada kanak-kanak.

Keselamatan MODURIDE di kalangan kanak-kanak tidak diketahui.

Jangan guna MODURIDE jika pembungkusannya telah terkoyak atau ada tanda-tanda ianya telah dibuka.

Jangan guna ubat ini selepas tarikh luput yang dicetak pada pek pembungkusannya.

- Sebelum mula mengambil MODURIDE

Maklumkan kepada doktor jika anda alah terhadap mana-mana ubat atau sebarang makanan, bahan pewarna atau pengawet.

Beritahu doktor anda jika anda mempunyai atau pernah mempunyai sebarang penyakit, terutamanya yang berikut:

- tahap kalium yang tinggi dalam darah

- kencing manis
- penyakit hati
- penyakit buah pinggang
- penyakit jantung dan paru-paru
- tahap kolestrol yang tinggi dalam darah
- gout
- asma (lelah)
- *lupus erythematosus* (penyakit autoimun)

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Maklumkan kepada doktor atau ahli farmasi anda jika anda ada mengambil sebarang ubat, termasuk ubat yang boleh diperolehi tanpa preskripsi di kedai farmasi, pasaraya atau kedai makanan kesihatan.

Sesetengah ubat dan MODURIDE boleh bertindak balas antara satu sama lain. Ini termasuklah:

- tablet kalium tambahan atau ubat yang bertindak menyimpan kalium
- ubat perencat ACE, untuk merawat tekanan darah tinggi
- ubat-ubatan lain untuk merawat tekanan darah tinggi
- sesetengah ubat diuretik yang lain
- lithium, ubat untuk penyakit murung dan masalah mental
- ubat anti-radang budan steroid (NSAID), ubat tahan sakit, bengkak dan gejala lain penyakit radang, termasuklah artritis.
- ubat steroid seperti *cortisone*, *prednisone*
- ubat suntikan insulin dan tablet untuk merawat kencing manis
- *cyclosporine* dan *tacrolimus*, ubat untuk menyekat daya ketahanan badan
- barbiturates, ubat untuk merawat penyakit sawan, contohnya *phenobarbitone*
- ubat tahan sakit yang kuat contohnya *codeine*, *morphine*, *dextropropoxyphene*

- cholestyramine dan colestipol, untuk merawat kolestrol tinggi dalam darah
- ubat untuk merehatkan otot sebelum dan semasa pembedahan
- ubat digunakan ketika kecemasan seperti adrenaline
- alkohol

Ubat-ubatan ini boleh terjejas disebabkan oleh MODURIDE atau mungkin menjejaskan kesan MODURIDE. Anda mungkin memerlukan sukatan ubat yang berbeza atau mengambil ubat-ubatan yang lain.

Doktor atau ahli farmasi anda mempunyai lebih banyak maklumat tentang ubat yang perlu diberi perhatian atau perlu dielakkan ketika mengambil MODURIDE.

Cara menggunakan MODURIDE

Doktor anda akan menentukan dos MODURIDE yang sesuai untuk anda. Dos ini mungkin ditambah bergantung kepada keadaan anda dan ubat-ubatan lain yang anda ambil.

Sentiasa ambil MODURIDE mengikut arahan doktor anda. Hubungi doktor atau ahli farmasi anda jika anda tidak pasti.

Jangan ubah sukatan dos yang diberikan kecuali atas arahan doktor.

- Berapa banyak harus digunakan

Doktor anda akan memberitahu anda berapa banyak tablet yang perlu diambil setiap hari. Ini bergantung kepada keadaan penyakit anda dan sama ada ada mengambil ubat-ubatan lain. Dos awal anda akan dikekalkan atau diselaraskan sehingga mendapat tindak balas yang memuaskan, tetapi tidak melebihi 4 biji tablet sehari.

- Bila perlu digunakan

Jika anda mengambil dos tunggal dalam sehari, ambil ia pada waktu pagi. Jika anda mengambil lebih daripada satu dos dalam sehari, ambil dos terakhir anda pada waktu petang, kecuali doktor anda mengarahkan sebaliknya.

MODURIDE boleh meningkatkan kuantiti air kencing anda, ia juga akan membuatkan anda membuang air kecil dengan lebih kerap.

Dengan mengambil dos terakhir anda pada waktu petang, risiko tidur anda terganggu di waktu malam adalah lebih rendah.

Ambil tablet MODURIDE pada masa yang sama setiap hari kecuali doktor anda mengarahkan sebaliknya.

Ia membantu anda mengingat waktu pengambilan ubat anda.

- Berapa lama perlu digunakan

Teruskan mengambil MODURIDE anda mengikut arahan doktor.

Jika anda mengalami tekanan darah tinggi, ubat ini hanya membantu mengawal keadaan tersebut tetapi ia tidak menyembuhkannya.

Oleh itu, ubat MODURIDE mesti diambil setiap hari.

Jika anda mengalami edema atau penyakit asites, doktor akan memberitahu berapa lama anda perlu mengambilnya.

- Jika terlupa menggunakan

Jika masa untuk dos seterusnya hampir tiba, langkau dos yang tertinggal tersebut dan ambil dos yang seterusnya. Jika tidak, ambil sebaik anda teringat, dan seterusnya ambil tablet anda mengikut masa yang sepatutnya.

Jangan gantikan dos untuk menggantikan dos anda yang tertinggal sebelumnya.

- *Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)*

Hubungi doktor anda dengan segera melalui panggilan telefon atau kunjungi hospital yang berdekatan jika anda fikir anda atau orang lain telah mengambil MODURIDE secara berlebihan.

Lakukan perkara tersebut sekalipun tiada tanda-tanda ketidakselesaan atau keracunan.

Anda mungkin memerlukan rawatan perubatan dengan segera.

Semasa menggunakan MODURIDE

- *Perkara yang perlu dilakukan*

Berjumpalah dengan doktor anda secara berkala untuk memeriksa tekanan darah anda supaya mereka boleh memastikan keberkesanan rawatan MODURIDE dan memeriksa jika ada kesan-kesan sampingan yang tidak diingini berlaku.

Jika anda merasa ringan kepala, pening atau pitam apabila hendak bangun dari tidur atau berdiri, bangun secara perlahan-lahan.

Anda mungkin berasa ringan kepala atau pening apabila mula mengambil MODURIDE. Ini disebabkan tekanan darah anda jatuh secara mendadak.

Jika masalah ini bertambah teruk atau berlarutan, laporkan kepada doktor anda.

Jika anda merancang untuk menjalani pembedahan (walaupun pembedahan pergigian), yang memerlukan penggunaan ubat bius, maklumkan kepada doktor atau doktor gigi bahawa anda sedang mengambil MODURIDE.

Maklumkan mana-mana doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang mengambil MODURIDE, terutamanya jika anda akan mula mengambil ubat-ubatan lain.

Maklumkan kepada doktor jika anda telah hamil ketika mengambil MODURIDE.

- *Perkara yang tidak boleh dilakukan*

Jangan berhenti mengambil ubat anda atau mengurangkan dos tanpa berbincang dengan doktor anda.

Jangan mengambil MODURIDE untuk merawat sebarang masalah lain melainkan diarah oleh doktor anda.

Jangan beri ubat anda kepada orang lain, walaupun mereka mengalami keadaan yang sama seperti anda.

- *Perkara yang perlu diberi perhatian*

Berhati-hati ketika memandu kenderaan atau mengendalikan mesin sehingga anda merasai kesan ubat ini terhadap anda.

MODURIDE boleh menyebabkan rasa pening atau ringan kepala pada sesetengah pesakit, terutamanya selepas beberapa dos atau apabila dos ditingkatkan. Pastikan anda tahu kesannya terhadap anda sebelum memandu kenderaan, mengendali mesin atau melakukan perkara-perkara yang boleh membahayakan ketika anda rasa pening.

Jika anda minum alkohol, atau mengambil ubat tahan sakit yang kuat atau barbiturates, rasa pening anda akan menjadi bertambah teruk.

Tanya doktor anda untuk mengetahui jenis makanan atau minuman yang mempunyai kandungan garam kalium yang tinggi.

MODURIDE membantu untuk mengekalkan tahap kalium yang normal dalam badan anda. Walau bagaimanapun, jika anda makan makanan atau minuman yang tinggi dengan potassium ini boleh membawa kepada peningkatan kalium dalam badan anda.

Pengambilan garam kalium yang terlalu banyak boleh membahayakan, oleh itu ianya penting untuk berbincang doktor mengenai diet anda.

Beritahu doktor anda jika anda sedang dirawat untuk penyakit kencing manis.

MODURIDE boleh mengubah keberkesanan kawalan penyakit kencing manis anda. Oleh itu dos ubat kencing manis anda perlu diubah, termasuklah dos suntikan insulin.

Kesan-kesan sampingan

Laporkan segera kepada doktor atau ahli farmasi jika anda berasa tidak sihat ketika mengambil MODURIDE.

MODURIDE membantu mengawal penyakit pada kebanyakan pesakit tekanan darah tinggi atau pembengkakan akibat cecair berlebihan dalam badan, tetapi ia mungkin boleh menyebabkan kesan sampingan yang tidak diingini pada sesetengah daripada mereka. Semua ubat mempunyai kesan-kesan sampingan yang tidak diingini. Kadang-kadang ianya serius, tetapi kebanyakannya tidak. Anda perlu mendapatkan rawatan perubatan jika anda mengalami kesan-kesan sampingan tersebut.

Tanya doktor atau ahli farmasi untuk menjawab sebarang soalan anda.

Laporkan kepada doktor jika anda mengalami kesan

sampingan berikut dan ianya membimbangkan anda:

- loya, muntah, hilang selera makan
- cirit-birit, sembelit, sakit perut dan angina
- dahaga
- rasa pening atau ringan kepala
- lemah, rasa mengantuk
- kurang buang air kecil daripada biasa

Beritahu doktor anda jika anda membuatkan anda rasa tidak sihat. Kesan sampingan lain yang tidak mendapati apa-apa yang disenaraikan di atas mungkin berlaku di kalangan sesetengah pesakit.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web portal.bpfk.gov.my (*Consumers* → *Reporting*).

Cara penyimpanan dan pelupusan MODURIDE

- Penyimpanan

Simpan ubat tablet anda di dalam pek asal sehingga tiba masa untuk menggunakannya .

Simpan ubat MODURIDE anda di tempat kering dan sejuk pada suhu di bawah 25°C.

Jangan simpan MODURIDE atau ubat lain di dalam bilik air atau berdekatan sinki. Jangan tinggalkan ubat anda di dalam kereta atau di tepi tingkap.

Haba dan kelembapan boleh merosakkan ubat.

Jauhkan ubat daripada capaian kanak-kanak.

Simpan ubat di dalam almari berkunci yang terletak sekurang-kurangnya satu setengah meter tinggi.

- Pelupusan

Jika doktor anda mengarahkan anda berhenti mengambil MODURIDE, atau sudah tamat tarikh luputnya, hubungi ahli farmasi anda untuk mengetahui apa yang perlu dilakukan terhadap baki tersebut.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Tablet MODURIDE 5mg merupakan tablet bulat bergarisan tengah, berwarna ungu cair, diameter 7mm dan bertanda 'DUO 861' dan 'd' ataupun 'KKM'

- Bahan-bahan kandungan

Bahan aktif:

- Amiloride hydrochloride 5mg
- Hydrochlorothiazide 50mg

Bahan tidak aktif:

- Avicel
- Promigel
- Polyvinylpyrrolidone
- Carmoisine
- Tepung jagung
- Laktosa
- Magnesium stearate
- Tween 80

- Nombor MAL

MAL19900184A

Pengilang

DUOPHARMA (M) SDN. BHD.
(42491-M)
WHOLLY OWNED BY CCM
DUOPHARMA BIOTECH
BERHAD (524271-W)
Lot. 2599, Jalan Seruling 59,
Kawasan 3, Taman Klang Jaya,
41200 Klang,
Selangor Darul Ehsan, Malaysia

Pemegang Pendaftaran Produk

DUOPHARMA (M) SDN. BHD.
(42491-M)
WHOLLY OWNED BY CCM
DUOPHARMA BIOTECH
BERHAD (524271-W)
Lot. 2599, Jalan Seruling 59,
Kawasan 3, Taman Klang Jaya,
41200 Klang,
Selangor Darul Ehsan, Malaysia

Tarikh kemaskini RIMUP

18/03/2014